

**PENERANGAN INFOGRAFIK RINGKASAN KESELURUHAN
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA (LKAN) TAHUN 2022
MENGENAI AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI TERENGGANU**

1. Infografik ini menunjukkan ringkasan keseluruhan bagi buku LKAN Tahun 2022 mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Terengganu.
2. LKAN ini melaporkan empat tajuk pengauditan yang dilaksanakan seperti berikut:
 - 2.1. Tiga pengauditan prestasi iaitu:
 - a. Pengurusan Pembangunan Zon Bebas Cukai Tasik Kenyir (ZBCTK);
 - b. Pengurusan Tapak Pelupusan Sisa Pepejal (TPSP); dan
 - c. Pengurusan Pembangunan Hartanah Perumahan oleh Agensi Negeri.
 - 2.2. Pengauditan Pengurusan Syarikat P-Excell Management Sdn. Bhd. (PEMSB) dengan modal berbayar berjumlah RM1 juta.
3. Secara keseluruhannya, didapati beberapa penemuan seperti berikut:
 - 3.1. Bagi aspek penilaian pencapaian output didapati:**
 - a. Pengurusan Pembangunan ZBCTK**
 - i. sebanyak tiga projek pembangunan telah dirancang dengan peruntukan daripada Kerajaan Negeri berjumlah RM612.27 juta. Bagaimanapun, hanya dua projek dapat disiapkan iaitu Marina Pengkalan Gawi serta kompleks dan kuarters Kastam dengan kos RM368.51 juta; dan
 - ii. projek pembangunan Pulau Bebas Cukai (Pulau Bayas) yang telah menelan belanja sejumlah RM179.57 juta gagal disiapkan dan terbengkalai. Ini menyebabkan objektif pembangunan zon bebas cukai di Tasik Kenyir tidak tercapai kerana ia merupakan komponen utama pembangunan ZBCTK.

b. Pengurusan TPSP

Sehingga tahun 2020, hanya dua daripada lima perancangan pembangunan pengurusan sisa pepejal dalam Rancangan Struktur Negeri Terengganu 2020 (RSNT 2020) telah dilaksanakan menyebabkan ketidakcapaian kepada sistem pengurusan dan pelupusan sisa pepejal yang moden dan efisien.

c. Pengurusan Pembangunan Hartanah Perumahan oleh Agensi Negeri

Pencapaian output adalah sangat baik kerana kesemua projek yang dirancang oleh Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT), Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu (LTAWNT) dan Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu (YPKT) telah dilaksanakan. Bagi tahun 2017 hingga tahun 2022, sebanyak 17 projek telah siap dibina, 14 projek masih dalam pelaksanaan dan 1 projek dibatalkan.

d. Pengauditan Pengurusan Syarikat PEMSB

- i. Pelan Perancangan Strategik (PPS) tidak disediakan bagi tahun 2020 dan 2021;
- ii. tujuh daripada lapan projek pembangunan telah disiapkan; dan
- iii. 129 daripada 130 unit rumah kediaman yang siap telah terjual.

3.2. Bagi aspek penilaian pencapaian keberhasilan didapati:

a. Pengurusan Pembangunan ZBCTK

- i. sasaran kedatangan pengunjung yang ditetapkan tidak dapat dicapai bagi tahun 2017 hingga 2022 kecuali pada tahun 2020; dan
- ii. kegagalan menyiapkan projek di Pulau Bayas yang bertujuan menjadikannya sebagai pulau bebas cukai menjadi antara punca sasaran yang ditetapkan tidak dicapai.

b. Pengurusan TPSP

- i. pencapaian keberhasilan pula kurang memuaskan kerana berlaku pencemaran terhadap sungai berdasarkan keputusan ujian sampel kualiti air. Keputusan ujian sampel kualiti air di TPSP Sungai Ikan **tidak mematuhi** standard yang ditetapkan **kecuali** parameter keperluan oksigen kimia;
- ii. keputusan ujian sampel kualiti air di TPSP Batu 22 **mematuhi** standard ditetapkan **kecuali** parameter pepejal terampai serta minyak dan gris; dan
- iii. hasil soal selidik juga menunjukkan sebanyak 82.2% responden dari kalangan penduduk setempat bersetuju kewujudan TPSP memberi kesan terhadap kesejahteraan komuniti setempat serta aktiviti pertanian/penternakan dan alam sekitar.

c. Pengurusan Pembangunan Hartanah Perumahan oleh Agensi Negeri

- i. pencapaian keberhasilan dapat diukur melalui keuntungan dan pulangan hasil kepada Agensi Negeri daripada projek yang dilaksanakan; dan
- ii. bagi tahun 2017 hingga tahun 2022, sejumlah RM58.27 juta keuntungan dan pulangan telah diterima oleh PMINT, LTAWNT dan YPKT.

d. Pengauditan Pengurusan Syarikat PEMSB

PEMSB tidak menetapkan mekanisme penilaian pencapaian keberhasilan aktiviti.

3.3. Berdasarkan aspek pengurusan aktiviti didapati:

a. Pengurusan Pembangunan ZBCTK

- i. ketidakpatuhan kepada prosedur menyebabkan Kerajaan Negeri tidak dapat mengenakan Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan (LAD) sejumlah RM3.21 juta kepada kontraktor terlibat; dan

- ii. kegagalan penyediaan kawalan keselamatan di tapak projek selepas penamatan bersama telah menyebabkan berlaku kerosakan dan kehilangan peralatan.

b. Pengurusan TPSP

- i. operasi TPSP Sungai Ikan tidak mengikut Prosedur Operasi Standard sepenuhnya seperti timbusan tanah secara harian tidak dilaksanakan dan sisa pepejal dibuang di luar sel; dan
- ii. kemudahan di TPSP Sungai Ikan rosak dan tidak berfungsi.

c. Pengurusan Pembangunan Hartanah Perumahan oleh Agensi Negeri

- i. pelanggaran polisi menjaga kepentingan orang Melayu;
- ii. pelaksanaan *integrity pact* dan klausa pencegahan rasuah mengikut Akta SPRM 2009 dalam perjanjian usaha sama tidak dilaksanakan; dan
- iii. pendaftaran hak milik strata belum selesai.

d. Pengauditan Pengurusan Syarikat PEMSB

- i. Wang Jaminan Pelaksanaan (WJP) dijadikan cagaran bantuan kewangan dan bayaran balik bantuan kewangan oleh syarikat kontraktor masih belum dibuat; dan
- ii. bayaran balik pinjaman tidak mengikut jadual.

3.4. Tadbir urus korporat adalah memuaskan. PEMSB mengamalkan empat daripada lapan aspek tadbir urus korporat. Selain itu, PEMSB memperoleh keuntungan terkumpul berjumlah RM9.47 juta pada tahun 2022.

- 4. Hasil daripada pengauditan yang dilaksanakan, Jabatan Audit Negara telah mengemukakan 10 syor untuk diambil tindakan oleh jabatan/agensi dan syarikat berkaitan. Sebanyak dua syor dikemukakan kepada Unit Perancang Ekonomi Negeri, dua syor kepada agensi negeri, dua syor kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri manakala empat syor kepada PEMSB.